



# PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG

Tingkat 7, Bangunan PBBPP, Jalan Stesen Bendera, Ayer Itam, 11500 Pulau Pinang

No. Tel : +604-8288 880 (Hunting Line) No Faks : +604-8288 862

Laman Web : [www.penanghill.gov.my](http://www.penanghill.gov.my)

## KENYATAAN MEDIA

# Festival Bukit Bendera

**21 – 29 Julai 2018**

*Cintai Alam Semula Jadi. Hayati Sejarah.*

Pertama kali secara rasminya **Festival Bukit Bendera 2018** (PHF2018) akan diadakan pada 21 hingga 29 Julai. Objektif utama adalah untuk menghargai nilai sejarah, alam sekitar dan pelbagai budaya warisan. 230 tahun yang lalu iaitu pada tahun 1788, Sir Francis Light menunggang kuda untuk naik ke puncak Bukit Bendera dan bangunan yang pertama didirikan pada tahun 1789. Bukit Bendera telah menjadi tempat percutian bagi pegawai-pegawai British untuk berlindung dari cuaca panas di kawasan tanah rendah.

Terletak di dalam hutan tropika yang berusia 130 juta tahun, Bukit Bendera merupakan sebuah habitat yang kaya dengan flora dan fauna yang eksotik. Aspek sejarah, alam semula jadi dan budaya yang terdapat di Bukit Bendera merupakan perkara yang akan diketengahkan dalam program yang akan diadakan bagi mendekatkan pengunjung dengan tema "**Cintai Alam Semula Jadi, Hayati Sejarah**". Pelbagai program menarik akan diadakan sepanjang festival ini berlangsung selama dua (2) minggu pada bulan Julai yang memberi tumpuan kepada tema utama festival ini.

Pelbagai acara yang bervariasi dirancang dan semua orang akan dapat mencari sesuatu yang sesuai dengan citarasa mereka. Bagi mereka yang berminat untuk mendekati alam semula jadi, banyak lawatan berpandu di laluan sejarah yang berbeza diadakan bertujuan untuk mendedahkan laluan-laluan di sekitar Bukit Bendera kepada orang ramai. Antaranya adalah laluan berpandu sepanjang Moniot Trail dan Viaduct Trail. Acara yang lain seperti **Night Exploration** dan **Herpetology Walk and Talk** dijalankan untuk memberi pendedahan tentang haiwan dan habitat semula jadi mereka.

Peminat sejarah akan menghargai program ceramah yang diadakan sepanjang festival ini seperti **Heritage and History of Penang Hill Talk**. Penyelidik arkitek dan pemenang anugerah botani, Datuk Seri Lim Chong Keat, Marcus Langdon, Dato' Ir. Dr. Lee Yow Ching dan Dato' Ong Eng Khuan akan menyampaikan ceramah menarik mengenai masa lalu Bukit Bendera. Mereka yang belajar di Uplands School dan peminat drama bersiri British, Indian Summers akan berkumpul dan berkongsi cerita menarik mereka semasa acara **Walk Down Memory Lane ~ The Crag / Old Uplands School**. Dr Saw Leng Guan, kurator bagi Taman Botani Pulau Pinang akan memberi ceramah **Rainforest Discovery Talk and Walk** untuk memberi pendedahan tentang kepelbagaiannya khazanah alam yang penting di Bukit Bendera. Ahli akademik dari USM, Profesor Dr Siti Azizah Mohd Nor akan membincangkan tentang usaha-usaha yang dijalankan Bukit Bendera di **UNESCO Biosphere Reserve Talk** manakala bagi

mereka yang meminati bidang astronomi dijemput untuk berkumpul di Bellevue Hotel untuk menyaksikan fenomena khas **Lunar Eclipse and Mars Opposition** yang berlaku serentak pada Julai 27.

Sepanjang festival ini, pelbagai pameran akan diadakan untuk mempamerkan masa lalu Bukit Bendera. **Penang Hill Photo Exhibition** memberi peluang kepada pengunjung untuk menghargai sejarah awal Bukit Bendera. Orang awam dijemput untuk mengirimkan gambar nostalgia mengenai Bukit Bendera dari koleksi peribadi untuk diadili oleh ahli panel. Gambar yang terpilih akan dipamerkan di pameran gambar tersebut. Tarikh akhir untuk penyerahan gambar adalah pada Jun 15. **Nature Photography Workshop and Exhibition** yang ditaja oleh Canon Malaysia dan restoran David Brown akan diadakan sempena festival ini. Peminat fotografi yang ingin mempelajari teknik fotografi semula jadi dijemput untuk menyertai acara yang akan dikendalikan oleh jurugambar professional.

Akhir sekali, Julai 28 merupakan hari yang didedikasikan untuk meraikan warisan budaya. Persembahan muzik digelar “**Music on the Hill “East Meets West”** akan diadakan. Acara utama pada hari tersebut adalah **Local Music and Culture Performance, Traditional Music Instruments Performance** dan **Symphony Orchestra** yang akan diadakan di Dataran, Bukit Bendera.

Acara yang disertakan adalah hanya sebahagian daripada acara yang akan diadakan disepanjang **Festival Bukit Bendera 2018**. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web kami di [www.penanghill.gov.my/phf2018](http://www.penanghill.gov.my/phf2018). Sila tandakan kalender dan pastikan anda mengikuti perkembangan yang akan dimaklumkan kemudian. Untuk sebarang pertanyaan, sila emailkan ke [phf2018@penanghill.gov.my](mailto:phf2018@penanghill.gov.my).

---

Program yang akan diadakan adalah seperti berikut (disertakan ringkasan aktiviti yang akan dijalankan):

21 Julai 2018 (Sabtu)

- ❖ Rainforest Discovery Talk & Walk @ The Habitat
- ❖ "Wild Roads" by Langur Project Penang
- ❖ Penang School Marching Band Championship
- ❖ Night Exploration with Steven Wong

22 Julai 2018 (Ahad)

- ❖ Nature Walk to Moniot Heritage Trail
- ❖ Discover the Secret of Monkey Cup Talk @ Monkey Cup Garden
- ❖ Young Explorer and Family Walk by Nature Classroom – 1<sup>st</sup> series

23-27 Julai 2018 (Isnin hingga Jumaat)

- ❖ Free Special Heritage Guided Tour
- ❖ Penang Hill Rainforest Exploration
- ❖ Mars Opposition and Penang Hill as Portal to the Universe (Jumaat)

28 Julai 2018 (Sabtu)

- ❖ The Exploration of Viaduct Trail Walk
- ❖ Heritage and History of Penang Hill Talk @ Bellevue Hotel
- ❖ Local Music & Culture Performance
- ❖ Penang Hill Effort in UNESCO Biosphere Reserve Talk @ The Habitat
- ❖ Music on the Hill "East Meets West"
  - Traditional Music Instruments Performance
  - Symphony Orchestra by Musica Sinfonietta
- ❖ Herpetology Walk & Talk @ The Habitat

29 Julai 2018 (Ahad)

- ❖ Sun Salutations at Curtis Crest @ The Habitat
- ❖ Walk Down Memory Lane ~ The Crag/Old Uplands School
- ❖ Young Explorer and Family Walk by Nature Classroom – 2<sup>nd</sup> series

21, 22, 28, dan 29 Julai 2018

- ❖ English Afternoon Tea & Demonstration @ David Brown

Aktiviti-aktiviti berikut akan turut diadakan sepanjang festival :

- ❖ Penang Hill Photo Exhibition
- ❖ UNESCO Biosphere Exhibition
- ❖ MyPenangHill Exhibition

### **Mengenai Bukit Bendera**

Bukit Bendera dikelilingi oleh hutan hujan tropika sejak 130 juta tahun lalu dimana iaanya kaya dengan flora dan fauna yang eksotik termasuk beberapa hidupan liar yang sinonim dengan Bukit Bendera seperti lontong kekabu, tupai gergasi hitam gergasi dan burung cecawi.

Ia telah dibina sebagai tempat peranginan pegawai tentera British untuk mengelakkan cuaca panas di tanah rendah pada zaman kolonial pada tahun 1788. Bangunan pertama yang dibina di Bukit Bendera telah dibina sejak tahun 1700 dan awal tahun 1800, ia termasuk Bel Retiro (merupakan banglo untuk Gabenor) Convalescent, Fernhill dan beberapa buah bangunan yang masih kekal hari ini.

Dengan pelbagai pandangan menarik yang terdapat di puncak, Bukit Bendera turut menawarkan keindahan permandangan bandar Georgetown pada bila-bila masa dan lebih menakjubkan pada waktu matahari terbit atau melihat keindahan kerlipan lampu pada waktu malam.

Kerja landasan keretapi yang telah wujud sejak 1901, dimana keretapi pertama yang bergerak sejauh 1,996 meter telah dibina pada tahun 1924. Kini perkhidmatan funikular generasi ke-4 digunakan dan perjalanan untuk naik ke puncak mengambil masa kira-kira lima minit.

### **Mengenai Perbadanan Bukit Bendera**

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan funikular, penyelenggaraan dan pembangunan Bukit Bendera sebagai tempat ekopelancongan serta menjadi pusat perlancongan bertaraf dunia di Malaysia.

### **Media Contact**

Ms Steffi Boon

Pegawai Perhubungan Awam

Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang

Tel: 04-8288880

[steffi@penanghill.gov.my](mailto:steffi@penanghill.gov.my)